

NO SOALAN :35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD
(PARIT SULONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.08.2017

Y.B. DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap cadangan untuk meletakkan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah Jawatankuasa Pengawasan Parlimen di dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan amalan ketelusan (transparency) di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan yang menjurus kepada peningkatan amalan ketelusan dan tadbir urus terbaik. Seperti yang semua pihak sedia maklum, syarikat milik Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan mempunyai mandat tertentu yang mendokong hasrat Kerajaan dalam usaha

membangunkan dan memastikan kestabilan sosio-ekonomi negara.

Sehubungan itu, Kerajaan melalui Kementerian dan Jabatan bertanggung jawab, sentiasa memastikan syarikat milik Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan menambah baik proses kawalan dalaman dan mengguna pakai amalan tadbir urus terbaik dalam operasinya. Pada masa ini, amalan tadbir urus yang diguna pakai oleh syarikat milik Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan adalah setanding dengan amalan terbaik syarikat swasta yang tertakluk kepada Akta Syarikat 2016 dan *Malaysian Code of Corporate Governance 2016*. Syarikat milik Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan juga mempunyai Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa di bawahnya seperti Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Risiko yang ditubuhkan untuk menentukan hala tuju dan memantau operasi syarikat.

Berdasarkan Akta Syarikat 2016, syarikat milik Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan seperti syarikat lain juga perlu mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Bagi syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan, laporan pencapaian syarikat perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada setiap suku tahun untuk pemantauan. Selain itu, syarikat milik

Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan juga tertakluk kepada pengauditan oleh Jabatan Audit Negara Malaysia. Sekiranya terdapat isu yang melibatkan integriti, pecah amanah dan salah gunakuasa yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, syarikat milik Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan akan dibawa kepada Jawatankuasa Akaun Awam (PAC) di bawah Parlimen Malaysia untuk siasatan lanjut.